

TARIKH: 6/6/23  
SURAT KHABAR: utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 9

## Wajibkan caruman SKSS kepada pendaftar baharu sektor gig

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan perlu lebih agresif menetapkan syarat dan terma wajib bagi pekerja sektor gig untuk mencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) terutama pendaftaran baharu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Presiden Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (Penghantar), Abdul Hakim Abdul Rani mendakwa, cadangan ini pernah diutarakan sebelum ini, namun tiada tindakan agresif untuk mencapai sasaran.

“Di peringkat Penghantar, kita sudah beri cadangan kepada kerajaan bahawa penglibatan lebih serius dari pihak syarikat perlu diambil kira. Ini kerana syarikatlah yang meluluskan pengenalan (ID) rakan penghantar.

“Justeru, caruman Perkeso ini perlu menjadi salah satu terma dan syarat untuk pendaftaran ID rakan penghantar. Antara cadangan lain mungkin boleh dikenakan tindakan menggan-

tung sementara ID rakan penghantar sedia ada yang masih belum mencarum dan aktifkan semula ID mereka selepas caruman dibuat,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar mengeluarkan kenyataan bahawa kadar caruman Perkeso oleh suri rumah melalui skim SKSSR dan pekerja sektor ekonomi gig masih terlalu rendah.

SKSSR yang diperkenalkan sejak 1 Disember tahun lalu hanya mencatatkan jumlah pen-carum seramai 176,883 orang walaupun bayaran carumannya cuma RM10 sebulan atau RM120 setahun.

Bagi sektor ekonomi gig pula, lebih sejuta pekerja dalam bidang tersebut wujud di negara ini namun yang menjadi pen-carum sekitar 570,000.

Selain itu, jelas Abdul Hakim, Penghantar juga yakin bahawa isu caruman di sektor ini masih berada di tahap yang rendah antaranya sudut perundangans.

Utusan Malaysia  
msa 6/6/23